PERUTUSAN GABENOR

Keadaan ekonomi dan kewangan dalam ekonomi global bertambah baik melangkah masuk ke tahun 2013. Walau bagaimanapun, keadaan global secara keseluruhan terus diselubungi cabaran. Kadar pemulihan dalam beberapa ekonomi maju pada masa ini terus dibendung oleh kebimbangan fiskal, kewangan dan struktur yang belum dapat diselesaikan. Meskipun menerima kesan daripada perkembangan global, ekonomi sedang pesat membangun terus menunjukkan prestasi yang baik. Ekonomi sedang pesat membangun di Asia, terutamanya, telah menunjukkan daya tahan yang berterusan, disokong oleh permintaan dalam negeri yang mampan dan asas dalam negeri yang teguh.

Pada tahun 2013, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh dan stabil. Prestasi ekonomi yang lebih baik ini adalah hasil daripada penyusunan semula ekonomi sepanjang sedekad yang lalu, sektor kewangan yang berdaya tahan dan potensi dasar yang fleksibel. Susulan penyusunan semula ekonomi, permintaan dalam negeri semakin menyerlah sebagai pemacu pertumbuhan. Pertumbuhan ini pada asasnya disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh, dan yang terkini oleh peningkatan yang ketara dalam pelaburan swasta. Sumber pertumbuhan ekonomi juga telah menjadi lebih pelbagai dan seimbang dalam semua sektor ekonomi dan rakan perdagangan. Yang lebih penting ialah peranan sektor swasta yang semakin meningkat.

Prestasi ekonomi Malaysia telah disokong kukuh terutamanya oleh sektor kewangan yang berdaya tahan. Meskipun terdapat peningkatan ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dalam negeri berikutan perkembangan ekonomi dan sistem kewangan global, pengantaraan kewangan dalam negeri telah berfungsi tanpa gangguan. Sistem perbankan yang kukuh dan pasaran bon domestik yang lebih maju bukan sahaja menyediakan akses pembiayaan yang berterusan kepada ekonomi, tetapi juga berperanan mengelakkan penumpuan risiko dalam sistem kewangan. Selain itu, liberalisasi secara berperingkat dan kehadiran lebih banyak peserta asing bukan sahaja telah meningkatkan persaingan dalam sistem kewangan, bahkan menyumbang kepada peningkatan aliran modal dua hala dan seterusnya keadaan pasaran yang teratur. Melangkah ke hadapan, reformasi dan perkembangan kewangan yang berterusan akan disasarkan pada usaha mempertingkat daya tahan sektor kewangan dan memastikan sektor kewangan akan terus memberikan sokongan yang terbaik kepada ekonomi.

Selain itu, potensi dasar makroekonomi dalam negeri yang fleksibel juga memainkan peranan yang sama penting untuk menyokong ekonomi, terutamanya dalam persekitaran yang semakin kompleks dan mencabar. Bank sentiasa bersikap pragmatik dalam pembentukan dan pelaksanaan dasarnya, dengan bergantung pada satu set langkah yang menyeluruh demi mencapai matlamat yang dikehendaki. Meskipun dasar monetari kekal sebagai alat dasar

yang utama, namun langkah pelengkap lain seperti dasar kehematan makro turut dilaksanakan untuk menangani risiko dalam segmen khusus sistem kewangan dan ekonomi, lantas meningkatkan keupayaan dasar dan mengelak daripada terlalu bergantung pada dasar monetari. Penyelarasan dengan dasar fiskal turut mempertingkat impak dan keberkesanan dasar bagi mempengaruhi ekonomi.

Walaupun inflasi mencatat trend menurun sehingga serendah 1.3% pada permulaan tahun 2013, fokus dasar monetari pada tahun 2013 adalah pada pengurusan risiko kenaikan harga di samping menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan. Berasaskan penilaian tentang keadaan prospek ekonomi dalam negeri dan global, inflasi dijangka kekal sederhana. Bank akan terus memandang ke hadapan dan mengambil perspektif jangka sederhana kerana dasar monetari amat berkesan apabila dilaksanakan sebagai langkah awalan. Pertimbangan juga akan diambil untuk mengelak peningkatan ketidakseimbangan kewangan yang boleh memberikan kesan buruk kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan dalam jangka sederhana. Pengajaran boleh diambil dari ekonomi yang dilanda krisis akibat peningkatan yang berlebihan dalam keberhutangan isi rumah yang akhirnya memberikan kesan buruk dan berpanjangan terhadap penggunaan, ekonomi yang lebih meluas dan kestabilan kewangan. Meskipun penilaian telah menunjukkan keberhutangan isi rumah di Malaysia dan risiko terhadap kestabilan kewangan terus dibendung, namun beberapa langkah telah pun dilaksanakan sebagai langkah awalan untuk mengelak daripada menjadi satu masalah.

Data terkini menunjukkan pertumbuhan kredit bagi isi rumah telah mula menjadi sederhana. Di samping itu, pertumbuhan kredit bagi isi rumah telah disokong oleh infrastruktur yang komprehensif dan lebih maju untuk menguruskan risiko. Ini termasuk pangkalan data mengenai maklumat kredit yang berfungsi dengan baik, yang membolehkan bank-bank untuk membuat penilaian berdasarkan maklumat yang mencukupi tentang peminjaman agregat dan kepercayaan kredit seseorang peminjam, program pendidikan kewangan yang disasarkan untuk peminjam baharu dan muda serta mekanisme penyelesaian dan kaunseling hutang berstruktur yang lebih baik bagi memudahkan pengurusan yang teratur terhadap kemungkinan masalah kewangan dalam kalangan isi rumah. Melalui penilaian penyeliaan, amalan pengunderaitan dan pengurusan risiko bank-bank telah dipertingkat dan menjadi lebih mantap.

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka dan dengan sistem kewangan yang semakin liberal, Malaysia terdedah kepada kejutan antarabangsa. Peningkatan integrasi serantau dan global khususnya, telah mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangan negara ini dengan negara lain di Asia. Ini telah menghasilkan sumber dan destinasi aliran perdagangan dan pelaburan yang lebih pelbagai. Kemajuan yang dicapai baru-baru ini dalam integrasi kewangan serantau juga telah membolehkan pengantaraan dana yang lebih cekap dan berkesan di rantau ini, kepelbagaian risiko yang lebih baik serta menyediakan pembiayaan yang diperlukan untuk menyokong kegiatan pelaburan di rantau ini. Integrasi serantau dan antarabangsa yang lebih kukuh turut menimbulkan lebih banyak cabaran, termasuk risiko penularan daripada kawasan lain di dunia. Ini telah mendorong penggubal dasar di rantau ini untuk bekerjasama bagi mengambil langkah awalan terhadap sebarang tanda-tanda risiko baharu kepada ekonomi dan sistem

kewangan serantau. Langkah ini penting terutamanya dalam persekitaran sekarang, yang menyaksikan rantau ini mengalami aliran modal yang tidak menentu.

Dalam kalangan bank pusat serantau, terdapat kesedaran bersama dan komitmen yang kuat untuk menggabungkan usaha bagi menjamin kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau. Di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), terdapat tindakan bersama yang lebih nyata untuk membentuk rangka kerja pengawasan bagi pengesanan awal risiko dan kelemahan rantau ini. Turut disediakan ialah persiapan awalan bagi pembentukan rangka kerja bersepadu pengurusan krisis di rantau ini. Sebagai memperkukuh langkah tersebut, inisiatif kewangan ASEAN +3 menguatkan dan memperluas mekanisme bantuan mudah tunai melalui Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM). CMIM membolehkan bantuan segera kepada sebarang tekanan yang berlaku ke atas imbangan pembayaran atau kedudukan mudah tunai jangka pendek di rantau ini. Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (South East Asia Central Banks Research and Training Centre, SEACEN) berperanan penting dalam menyokong kerjasama serantau yang lebih teguh dan inklusif antara bank pusat serantau. Keanggotaan SEACEN yang pelbagai, termasuk bank pusat utama di rantau ini, nyata telah menambah kumpulan tenaga mahir dan sumber dalam aktiviti terasnya. Kedudukan SEACEN yang unik di rantau ini telah memudahkan beberapa kegiatan bina upaya yang berimpak tinggi dan penyelidikan bersama, di samping menyediakan platform inklusif bagi perbincangan dasar yang aktif dan kerap pada peringkat tinggi mengenai isu-isu kepentingan strategik bersama.

Dari perspektif jangka sederhana, cabaran utama Malaysia adalah untuk mengurus dengan jayanya peralihan negara ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi, iaitu ekonomi yang pertumbuhannya didorong oleh sektor swasta dan dicirikan oleh produktiviti dan inovasi yang lebih tinggi, dan pada masa yang sama bersifat mampan dan inklusif. Inisiatif pembaharuan struktur yang penting kini sedang dilaksanakan bagi mencapai transformasi ini, di samping mengambil kira keadaan dalam negeri dan persekitaran global yang lebih dinamik. Dalam hal ini, dasar makroekonomi berperanan untuk memastikan kestabilan dan menyediakan insentif yang sesuai kepada sektor swasta untuk menyumbang kepada proses transformasi ekonomi negara. Sebagai sebahagian daripada transformasi ini, sektor kewangan dijangka memainkan peranan penting dalam pengantaraan dana yang cekap, bukan sahaja di Malaysia malah di rantau ini dan di negara-negara sedang pesat membangun yang lain. Ini memerlukan produk dan perkhidmatan kewangan yang baharu untuk memenuhi kehendak ekonomi dalam negeri yang lebih berintensif pengetahuan dan inovasi, selain infrastruktur kewangan yang akan menyokong pengantaraan dana serantau untuk tujuan produktif.

Pada tahun 2012, Bank meneruskan usaha memodenkan dan mengukuhkan keupayaan organisasinya. Bank kini sedang dalam fasa ketiga transformasi organisasinya, untuk memastikan agar fungsinya terus berkesan dan prestasinya dapat dipertingkat ke tahap yang lebih tinggi.

Elemen penting dalam transformasi ini ialah Pelan Urusan Bank untuk tempoh tiga tahun, yang menggariskan fokus dan memberi kejelasan mengenai hala tuju strategik seluruh organisasi Bank, selain memupuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai aspek saling pergantungan untuk mencapai hasil yang dikehendaki. Ini turut memperkukuh jalinan kerjasama di Bank.

Bank mencapai beberapa kejayaan penting pada tahun 2012. Antaranya ialah enakmen Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang baharu. Akta-akta ini menggabungkan beberapa akta yang sedia ada untuk membentuk rangka kerja pengawalan sektor kewangan yang lebih bersepadu, dan memperuntukkan kuasa yang diperlukan oleh Bank untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam landskap kewangan yang lebih kompleks. Satu lagi pencapaian ialah penubuhan bahagian perkhidmatan sokongan berpusat untuk meningkatkan produktiviti dan tahap profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan sokongan di Bank. Selain itu, terdapat pembangunan tenaga mahir yang lebih berfokus, dengan tumpuan lebih tinggi terhadap pembangunan kepimpinan di seluruh Bank. Ini bagi memastikan pelan penggantian kepimpinan Bank telah tersedia. Akhir sekali, pada tahun 2012, Bank memperkenalkan siri mata wang baharu untuk semua denominasi wang kertas dan duit syiling, dengan reka bentuk yang menggambarkan ciri-ciri Malaysia selain elemen keselamatan yang lebih baik dan menggunakan teknologi pembuatan wang kertas terkini.

Bank telah melalui banyak perubahan bagi memastikan ia terus berkesan dan senantiasa dalam keadaan bersedia untuk memenuhi permintaan dan menghadapi cabaran akan datang. Paling utama dalam usaha ini ialah dedikasi dan sikap profesional dalam kalangan warga Bank yang teguh dan tidak berbelah bahagi. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan Bank, saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Bank atas komitmen mereka untuk mencapai matlamat strategik dan kemakmuran ekonomi dan kewangan negara. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka yang berterusan. Dengan lebih banyak cabaran yang perlu dihadapi, Bank akan terus berusaha untuk mencapai tahap kecemerlangan tertinggi dalam memenuhi tanggungjawab dan melaksanakan amanahnya, berpandukan visi, keazaman dan nilai-nilai bersama Bank.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
20 Mac 2013